

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	13/5/2011

# 13 Mei bawa mesej perpaduan

Oleh NIZAM YATIM  
nizam.yatim@utusan.com.my

**HARI** ini genap 42 tahun peristiwa berdarah 13 Mei yang berlaku tiga hari selepas Pilihan Raya Umum 1969.

Tragedi itu diceritakan dengan panjang lebar oleh bekas Ketua Pergerakan Wanita UMNO, Tan Sri Aishah Ghani dalam bukunya bertajuk *Memoir Seorang Pejuang*.

Ia diceritakan daripada perspektif beliau sebagai penduduk Kampung Bam, Kuala Lumpur, antara kawasan utama berlaku rusuhan kaum yang menakutkan itu.

Yang cukup menarik, dalam memoirnya Aishah, 88, menceritakan semangat perpaduan yang ditunjukkan penduduk berbilang kaum dalam menghadapi situasi mencemaskan itu.

Menurut bekas Menteri Kebijakan Am itu, seorang setiausaha di ibu pejabat UMNO telah diselamatkan seorang penjaga kedai Cina di Chow Kit dengan disorokkan di celah gulungan kain apabila beberapa orang yang memegang kayu mahu memukul wanita itu, sehinggalah dia diselamatkan oleh askar pada lewat tengah malam.

Suasana ketika itu memang cukup menakutkan dan Aishah menceritakan bagaimana kumpulan yang dikaitkan dengan DAP telah mengadakan perarakan tanpa permit di kawasan majoriti Melayu di Jalan Hale (Jalan Raja Abdullah), Kampung Baru sambil mengeluarkan kata-kata kesat 'Melayu bodoh'. Terdapat juga samseng yang memukul dan menahan kereta yang dipandu orang Melayu.

Apa yang dilakukan kumpulan itu kemudiannya mencetuskan tindak balas daripada beratus-ratus pemuda Melayu. Tulis Aishah: "Menjelang senja, rumah saya di Jalan Daud didatangi orang ramai yang mencari perlindungan. Saya masih teringat bagaimana seorang pemuda Cina lari lintang-pukang dengan tidak berkasut masuk ke rumah saya.

"Dalam masa kira-kira 10 minit selepas itu, keadaan semakin menakutkan kerana di hadapan rumah saya telah muncul beberapa orang yang tidak saya kenali dengan parang panjang di tangan, tidak memakai baju hanya berseluar panjang hitam. Mata liar bagai mencari sesuatu.

"Saya terus meminta pemuda Cina itu supaya jangan keluar rumah sehingga saya dapat menghubungi polis atau kenderaan



**DUA** anggota polis duduk di kerusi belakang sebuah bas yang berulung alik dari Kuala Lumpur ke Klang untuk memastikan keselamatan penumpang terkawal selepas tercetus rusuhan kaum pada 13 Mei 1969. GAMBAR PUSAT MAKLUMAT UTUSAN

askar yang boleh membawanya keluar dengan selamat.

"Dalam pada itu, saudara mara yang datang berkumpul di rumah saya telah membawa bersama-sama beberapa kanak-kanak Cina, mereka disuruh memakai baju kurung supaya tidak dikenali sesiapa. Salah seorang dipanggil dengan nama Minah sahaja."

Mengulas peristiwa itu, Presiden Hindu Sangam Malaysia, R.S. Mohan Shanmugam mengakui banyak iktibar yang boleh diperolehi daripada semangat perpaduan yang ditunjukkan oleh rakyat ketika tragedi itu.

Bagaimanapun, katanya, semua pihak harus menghormati penegasan yang dibuat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada tahun lalu bahawa tidak perlu tarikh itu diperingati secara besar-besaran.

Pelbagai pihak sebelum ini mencadangkan supaya Malaysia mencontohi Singapura yang memperingati rusuhan kaum pada 21 Julai 1964 sebagai Hari Keharmonian Kaum.

"Peristiwa hitam 13 Mei 1969 bukan sesuatu yang baik untuk negara kita dan ia mestilah dilupakan," ujar Mohan Shanmugam.

Tambah beliau, semua pihak harus bersyukur kerana semangat perpaduan yang

ditunjukkan oleh rakyat berbilang kaum ketika tragedi berkenaan masih lagi diamalkan di negara ini.

Dalam pada itu, Felo Penyelidik Utama Institut Alam dan Tamadun Melayu (Atma), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Dr. Teo Kok Seong melahirkan kebimbangan semangat perpaduan yang ditunjukkan ketika tragedi itu, mula terhakis di kalangan generasi muda sekarang.

Katanya, semangat perpaduan itu semakin menipis kerana generasi muda tidak lagi mengambil inisiatif untuk kenal-mengenal budaya dan cara hidup rakan mereka daripada kaum lain.

"Saya berpandangan sudah sampai masanya kerajaan, syarikat swasta dan pertubuhan bukan kerajaan mengadakan lebih banyak program yang melibatkan percampuran generasi muda pelbagai kaum.

"Sekarang kita mempunyai Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) tetapi ia tidak memadai kerana bilangan yang terlibat sangat kecil, jadi program bagi menyemai perpaduan harus diperluaskan di peringkat sekolah, universiti dan lain-lain sektor," ujarnya.

Sementara itu, menghimbau kembali apa yang ditulis Aishah dalam memoirnya, be-

Sudah sampai masanya kerajaan, syarikat swasta dan pertubuhan bukan kerajaan mengadakan lebih banyak program yang melibatkan percampuran generasi muda pelbagai kaum

liau menjelaskan tragedi itu tidak akan berlaku sekiranya segelintir rakyat tidak terpengaruh dengan dakyah kumpulan tertentu yang terus menerus menentang apa jua yang berbau Melayu, lebih-lebih lagi konsep ketuanan Melayu.

Kumpulan itu yang tidak mahu berpijak kepada realiti sejarah telah menuntut diwujudkan sekolah, hospital dan universiti untuk orang Cina sahaja.

Satu kumpulan lain yang diterajui oleh DAP, Gerakan dan Parti Progressif Rakyat (PPP) pula memainkan sentimen orang Cina supaya melawan UMNO dengan berjanji untuk menghapuskan hak istimewa orang Melayu dan memperkenalkan penggunaan pelbagai bahasa seperti di Singapura jika menang pilihan raya.

Menurut Aishah lagi, peristiwa berdarah 13 Mei telah memperlihatkan bahawa sebahagian besar rakyat masih bersikap rasional.

Ia terbukti apabila pergaduhan kaum tidak merebak jauh dan boleh dikatakan hanya terbatas di kawasan Chow Kit dan Kampung Baru sahaja serta sedikit-sedikit melarat ke Ampang, Kampung Pandan, Datuk Keramat dan Hujung Pasir.

"Dalam suasana kacau begitu rupa, masih ramai pula anggota masyarakat yang tidak hilang perhitungan dan perikemanusiaannya. Saya sempat juga mendengar cerita-cerita bagaimana orang Melayu diselamatkan oleh orang Cina dan sebaliknya," tulisnya.

Menurut beliau, malam 13 Mei 1969 walaupun purnama mengambang indah, telah menjadi malam hitam yang meninggalkan seribu kenangan pahit untuk semua.

"Ia merupakan satu amaran besar kepada semua pihak supaya jangan lagi memarahkan api perkauman. Semoga ia akan menjadi satu pengajaran yang berguna kepada generasi akan datang," tulisnya lagi.